

Doktrin Gisbh Terhadap Akidah Umat Islam: Satu Sorotan Literatur

Kamsani bin Md Saad*, Mohd Fadhl bin Aziz, Nur Zatihanani binti Ruzaini

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

Email: ¹kamsani@ptss.edu.my, ²mfadhlaziz@ptss.edu.my, ³zatihanani@ptss.edu.my

Correspondence Author Email: kamsani@ptss.edu.my.com

Submitted: 29/05/2026; Accepted: 30/06/2026; Published: 30/06/2026

Abstract—Kajian ini menganalisis doktrin yang dibawa oleh kumpulan Global Ikhwān Sdn. Bhd. dan Global Ikhwān Services and Business Holdings (GISBH) yang menjadi subjek perbincangan utama dalam isu keselamatan akidah di peringkat nasional. Fokus utama kajian adalah untuk menilai sama ada gerakan ini mengekalkan kesinambungan ajaran Al-Arḳam serta pengamalan buku Aurad Muhammadiyah yang telah diharamkan oleh kerajaan pada tahun 1994. Kronologi rentetan isu ini bermula daripada pendedahan awal oleh sebuah NGO iaitu Pusat Kajian Ajaran Sesat (PUKAS) Malaysia pada Ogos 2024, yang disusuli oleh kenyataan rasmi Mufti Perlis mengenai dakwaan isu keganasan, selanjutnya pelaksanaan Op Global yang dilakukan oleh pihak PDRM pada September 2024 bagi menyiasat kes eksploitasi kanak-kanak dan doktrin ajaran sesat. Melalui metodologi kajian kualitatif yang berasaskan reka bentuk penerokaan dan kaedah dokumentasi kepustakaan, kajian diteliti melalui pelbagai dokumentasi primer dan sekunder. Dapatan kajian berasaskan analisis kandungan menunjukkan bahawa terdapat bukti fizikal dan literatur yang membuktikan bahawa terdapat hubungan yang jelas antara GISBH dengan doktrin asal Al-Arḳam. Implikasi kajian ini amat signifikan memandangkan beberapa pihak Jabatan Agama Islam bagi beberapa buah negeri telah mengeluarkan fatwa rasmi pengharaman ke atas gerakan GISBH. Kajian ini merumuskan bahawa pemantauan berterusan dan keseragaman undang-undang melalui Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia perlu bertindak bagi membendung penyelewengan akidah yang jelas menyimpang daripada manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah.

Keywords: Akidah; Al-Arḳam; GISBH; Global Ikhwān; JAKIM

1. PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang mengajar umatnya untuk mencari ilmu dan berfikir secara kritis. Namun, dalam perjalanan sejarahnya, muncul pelbagai ajaran dan pemikiran yang meragukan serta dianggap sesat oleh agama Islam. Oleh itu, penting untuk memahami pendekatan yang diajar menerusi agama Islam yang sebenarnya dalam menghadapi kemelut ajaran sesat dan meragukan. Justeru dalam konteks negara Malaysia, kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menyekat dan menangani penyebaran ajaran sesat ataupun fahaman yang bertentangan dengan akidah umat Islam di negara ini.

Pada tahun 1986, JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) telah mengesan berlakunya penyelewengan akidah dalam sebuah gerakan Islam yang dikenali sebagai Al-Arḳam. Ketika itu, satu majlis muzakarah telah dianjurkan oleh JAKIM dengan pemimpinnya, iaitu Ashaari Muhammad. Perkara pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah mengharamkan buku Aurad Muhammadiyah pegangan Darul Arḳam juga pada tahun tersebut.

Kerajaan telah mengharamkan jamaah Al-Arḳam berdasarkan fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada 5 Ogos 1994. Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut memutuskan bahawa ajaran dan fahaman kumpulan Al-Arḳam adalah bertentangan dengan akidah dan syaria Islam sekali gus mengakibatkan syirik. Setelah itu jamaah Al-Arḳam tidak lagi wujud kerana telah diharamkan oleh kerajaan pada tahun 1994, tetapi muncul pula selepas itu sebuah jamaah Islam dinamakan sebagai Rufaqa' yang ditubuhkan oleh bekas pengikut al Arḳam. Pada Tarikh 29 November 2006, Fatwa Majlis Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa pengharaman ke atas kumpulan Rufaqa' yang didapati menghidupkan semula usaha-usaha fahaman dan ajaran Al-Arḳam.

Setelah pembongkaran dilakukan oleh kerajaan terhadap kumpulan Rufaqa, kemudian pada tahun 2008 muncul pula sebuah kumpulan baru yang ditubuhkan oleh bekas pengikut Rufaqa' yang menamakan kumpulan ini sebagai GISB (Global Ikhwān Sendirian Berhad). Kumpulan GISB berkembang pesat dalam pelbagai bidang perniagaan sebagai peneraju amalan-amalan Islam di Malaysia dan luar negara. Mereka mengendalikan pelbagai jenis perniagaan, termasuk restoran, penginapan, perniagaan peruncitan, dan khidmat sosial di bawah jenama ini. Namun begitu, pihak yang berwajib mendapati bahawa kumpulan ini masih lagi meneruskan fahaman dan ajaran Al-Arḳam yang telah diharamkan kerajaan melalui pengamalan ibadah mereka.

Kajian ini dikemukakan sebagai satu wahana khusus bagi masyarakat Islam bertujuan mendedahkan tentang bahayanya penularan doktrin yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia adalah sesat dan menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar serta haram dilakukan. Ciri-ciri kesesatan dari segi Akidah, Syaria dan Akhlak yang dilakukan oleh para pengikut GISB tersebut adalah sama dengan Al-Arḳam dahulu yang telah diharamkan segala fahaman dan ajarannya oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Malah didapati amalan Aurad Muhammadiyah yang diharamkan sebelum ini juga masih diamalkan oleh pengikut GISB yang telah difatwakan sebagai ajaran yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di samping itu kajian ini mencetuskan satu usaha terhadap para penyelidik yang berminat untuk melaksanakan kajian lanjutan yang berkaitan atau ia boleh dimanfaatkan oleh mana-mana pihak tertentu yang berautoriti. Sehubungan itu, tindakan serius perlu diambil oleh semua pihak bagi mencegah ajaran yang menyimpang dari ajaran Islam sebegini daripada terus berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam yang semakin sukar untuk dibendung.

Tugasan mengajak manusia kepada tauhid iaitu mengesakan Allah SWT adalah misi seluruh Nabi dan Rasul yang diwarisi oleh para ulama sejak zaman berzaman. Jenis-jenis penyelewengan, kesesatan Akidah dan kekufuran akan sentiasa

berlaku ibarat seperti barah yang mengakibatkan kerosakan pada aspek kepercayaan, pengamalan dan kerohanian seseorang penganut Islam. Para ulama dan ilmuan Islam khususnya ahli kalam memainkan peranan penting dalam perbincangan, perdebatan atau penulisan berkaitan isu-isu kesesatan yang menyalahi ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah. Adalah diharapkan kertas ini akan menjadi salah satu perbincangan akademik serta perbincangan ilmiah yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam dalam negara bagi mendapatkan informasi berkaitan penyelewengan akidah Al-Arqam yang diamalkan oleh para pengikut GISB.

GISB atau GISBH merupakan singkatan kepada nama syarikat Global Ikhwan Sdn. Bhd. dan Global Ikhwan Services and Business Holdings. Ia merupakan syarikat bumiputera Islam yang diasaskan sejak tahun 2008 oleh Allahyarham Ustaz Ashaari Muhammad iaitu bekas ketua pimpinan kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan kerajaan. Kini Datuk Haji Nasiruddin Mohd Ali dilantik menjadi Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif di GISB Holdings.

Memetik dari sumber laman web 'TCER.my' menerusi rencana bertajuk '*Kronologi Serbuan dan Senarai Premis GISB Holdings Seluruh Negara*' menyiarkan PDRM telah pun membuka lapan kertas siasatan berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [792], Akta Anti pemerdangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] Kanun Keseksaan [Akta 574] dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa ketika itu.

Menerusi laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara mencatatkan pada tarikh 16 Ogos 2024, 'Pusat Kajian Ajaran Sesat' (PUKAS) menerusi laman rasmi 'Facebook'nya telah mendedahkan kegiatan ajaran sesat yang didakwa berlaku dalam GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH). Kemudiannya pada 6 September, Mufti Perlis Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin melalui laman rasmi 'Facebook'nya telah membangkitkan isu keganasan dan kekejaman yang dikaitkan dengan GISBH yang memerlukan siasatan dan campur tangan pihak berkuasa. Pada 11 September 2024, pihak polis mula menjalankan serbuan ke atas 18 premis GISB yang melibatkan 7 daerah di Selangor. Manakala 2 lagi premis telah dikesan di Negeri Sembilan berkaitan dengan aspek siasatan eksploitasi agama dan kanak-kanak. Melalui hasil serbuan tersebut, 66 lelaki dan 105 perempuan yang berumur antara 17 hingga 64 tahun individu yang ditahan. Jumlah yang ditahan tersebut adalah seramai 171 orang terdiri daripada tenaga pengajar, penjaga asrama dan pengerusi pusat pengajian. PDRM menyaki bahawa individu yang menjadi mangsa eksplotasi, pengabaian dan penganiayaan daripada premis yang dipercayai milik kumpulan berkenaan adalah terdiri daripada 402 kanak-kanak dan remaja berusia antara lingkungan 1 dan 17 tahun. Seramai 201 orang daripadanya adalah kanak-kanak lelaki dan 201 pula adalah kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan dari Ketua Polis Negara, modus operandi yang dilakukan oleh GISB antaranya adalah mangsa-mangsa tersebut diajar dan dididik meliwat dan seterusnya mangsa diliwat oleh penjaga dan mereka juga dipaksa untuk meliwat penghuni kanak-kanak yang lain. Selain itu, mangsa tersebut yang terdiri daripada kanak-kanak telah dipergunakan untuk meminta simpati orang ramai memberikan sumbangan. Terdapat sebilangan mangsa yang berusia antara 3 hingga 5 tahun diceredakan dengan menggunakan objek panas atas alasan mereka melakukan kesalahan atau degil serta mengingkari arahan pimpinan. Siasatan polis juga mendapati bahawa penderaan yang dilakukan di rumah kebajikan tersebut telah diceritakan sendiri oleh mangsa seperti tangan dibakar dan mangsa disuruh mencabut rumput sehingga penuh plastik hitam. Kanak-kanak lelaki diliwat dan kemudian dipaksa meliwat rakan mereka. Anak-anak dipisahkan daripada ibu bapa dan mereka dibenarkan berjumpa sekitar tempoh dua kali seminggu. Selain itu, pasangan suami isteri perlu mengikut jadual yang ditetapkan jika ingin bersama. Mereka yang ingin berkahwin tidak boleh memilih pasangan mereka kecuali yang hanya ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi. Setelah berkahwin, pasangan tersebut tidak dibenarkan untuk tinggal bersama, malah mereka diasingkan bagi kadar tempoh yang tertentu.

Menerusi siasatan lain, pihak polis telah menemukan ratusan buku dan risalah berkaitan ajaran Al-Arqam dalam serbuan yang dilakukan di premis GISB di beberapa negeri. Di Kelantan, PDRM telah menemukan puluhan buku berkaitan doktrin Al-Arqam yang dikesan telah ditanam oleh pengikut kumpulan tersebut di tepi sungai berhampiran kediaman kumpulan itu di Kampung Panji, Kota Bharu, Kelantan. Manakala Di Melaka, ratusan buku dan barangan berkaitan ajaran tersebut turut ditemukan dalam satu serbuan yang dilakukan PDRM ke atas 19 premis berkaitan GISB. Hasil penemuan PDRM ke atas bahan-bahan bercetak tersebut telah menjadi bahan bukti penting yang membuktikan bahawa organisasi ini masih berkiblatkan kepada ajaran yang pernah difatwakan haram oleh kerajaan sejak tahun 1994.

2. METODE PENELITIAN

2.1 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif khusus bagi memahami skop penyelewengan akidah umat Islam yang dikaitkan dengan kumpulan GISBH. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti kesinambungan doktrin dan ajaran Al-Arqam serta amalan Aurad Muhammadiyah yang dikesan masih diamalkan dalam rangkaian gerakan dan operasi GISBH.
- Menganalisis impak sosial dan modus operandi isu eksploitasi, salah laku seksual, serta penderaan fizikal melibatkan kanak-kanak dan wanita yang dikaitkan dengan organisasi berkenaan.
- Menilai tindakan perundangan, penguatkuasaan, dan peranan proaktif yang dimainkan oleh pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan Majlis Fatwa Negeri dalam menangani isu penyelewengan ini.
- Merumuskan langkah-langkah pemulihan akidah dan cadangan penambahbaikan dasar keselamatan bagi mengekang penularan fahaman sesat dalam masyarakat Islam.

2.2 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian penerokaan (exploratory research design). Memandangkan kajian ini merupakan satu sorotan literatur, kaedah pengumpulan dan penganalisan data dilakukan secara sistematik seperti berikut:

a. Kaedah Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini dikumpul sepenuhnya melalui Kaedah Dokumentasi (Rujukan Kepustakaan). Sumber data dibahagikan kepada dua kategori utama:

- Sumber Primer: Meliputi dokumen rasmi kerajaan, teks fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri, surat pekeliling am, serta kenyataan media rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JAKIM.
- Sumber Sekunder: Merangkumi bahan bacaan ilmiah, tesis universiti, jurnal akademik terdahulu berkaitan Al-Arqam dan Rufaqa', laporan akhbar digital (seperti Harian Metro dan Sinar Harian), serta portal berita atas talian yang berautoriti.

2.3 Kaedah Analisis Data

Kesemua data teks dan dokumentasi yang telah dikumpul akan ditapis dan dianalisis menggunakan 'Analisis Kandungan' (*Content Analysis*). Langkah analisis melibatkan:

- Pengekoden Tema (*Thematic Coding*): Data dikategorikan mengikut tema utama iaitu kronologi sejarah gerakan, ciri penyelewengan akidah, implikasi terhadap mangsa/umat Islam, dan peranan JAKIM.
- Analisis Perbandingan (*Comparative Analysis*): Membuat perbandingan silang antara doktrin lama Al-Arqam dengan amalan semasa pengikut GISBH bagi mengesahkan wujudnya elemen kebangkitan semula ajaran yang telah diharamkan.

2.4 Sorotan Kepustakaan

Pada tahun 1960-an hingga 1980-an, gerakan dakwah yang paling menonjol di Malaysia adalah al-Arqam. Namun, kewujudan al-Arqam tidak bertahan lama kerana ia diharamkan pada tahun 1994 dan diisytiharkan sesat. Meskipun demikian, selepas 14 tahun, terdapat banyak berita mengenai kebangkitan semula al-Arqam dan kemudiannya ia muncul dalam jenama baru yang dikenali sebagai Rufaqa' dan setelah itu ia muncul semula dengan Global Ikhwan Sendirian Berhad (GISB). Semasa di bawah nama 'Rufaqa' Corporation Sdn Bhd', gerakan ini telah terbentuk melalui komuniti yang berdikari dalam bidang perniagaan yang dijalankan. Rufaqa', yang ditubuhkan pada tahun 1997 oleh Ashaari Muhammad, kemudiannya didakwa oleh kerajaan Malaysia telah melanggar fatwa dan hukum agama yang diharamkan kebangkitan semula al-Arqam pada akhir tahun 2006. Malangnya, isu mengenai Rufaqa' ini belum selesai dan kes ini telah dibicarakan di mahkamah. Sehubungan itu sebuah kajian yang dijalankan oleh Kamal Azmi (2009) menilai secara objektif bagaimana Rufaqa' yang ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad melaksanakan peranannya sebagai sebuah entiti perniagaan. Kajian mendapati doktrin seperti kecintaan, fanatisme terhadap kumpulan dan pemimpin mereka adalah merupakan faktor yang membawa kepada penyimpangan dalam pegangan Islam. Kesedaran masyarakat terhadap pegangan kumpulan ini didapati tidak tersebar secara meluas, malah masih ramai bekas ahli-ahli Al-Arqam masih mempercayai dan mengamalkan Awwad Muhammadiyyah. Kajian ini telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan bagi mengatasi masalah yang berkaitan

Ahmad Fauzi (2015) menjelaskan bahawa 'Kumpulan Syarikat Global Ikhwan' ditubuhkan pada tahun 2008 telah menggantikan 'Rufaqa' Corporation' ditubuhkan pada tahun 1997 bagi mengambil alih perniagaan Darul Arqam setelah dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa Islam di Malaysia. Setelah ia diharamkan pada tahun 1994, ahli-ahli Al-Arqam bertahan daripada pengharaman tersebut dengan menjenamakan kumpulan mereka menjadi kumpulan usahawan yang beroperasi di bawah jenama Global Ikhwan berkembang pesat setelah kematian pengasasnya iaitu Ashaari Muhammad pada bulan Mei 2010. Global Ikhwan yang berkembang dengan pesat kini turut merangkumi wilayah antarabangsa, termasuk di tanah suci Haramain Arab Saudi. Setelah kematian Ashaari Muhammad, maka kumpulan ini diambil alih oleh isteri beliau iaitu Khadijah Aam. Analisis tentang pengalaman perniagaan Global Ikhwan menunjukkan satu bentuk perspektif baru dalam memahami norma ekonomi Muslim. Global Ikhwan telah membentuk satu falsafah untuk ahlinya yang bersifat spiritual dan tradisional, namun pada masa yang sama berdaya usaha dan inovatif. Kejayaan luar biasa Global Ikhwan secara langsung dikaitkan dengan usaha mereka untuk menerapkan ajaran Sufi dalam bidang ekonomi, meskipun terdapat pemahaman umum dalam Islam yang membezakan antara spiritualiti dan perniagaan seolah-olah kedua-duanya adalah dunia yang terpisah. Walaupun Islam telah menggariskan garis panduan moral untuk mengatur perniagaan, baik sesama Muslim mahupun antara Muslim dan bukan Muslim, tetapi jarang sekali bagi para ulamak atau cendekiawan agama Islam atau usahawan Muslim mengaitkan kejayaan perniagaan dengan prinsip-prinsip Islam, apatah lagi dengan prinsip-prinsip Sufi. Maka, Global Ikhwan merupakan contoh yang berbeza dalam hal ini.

Rahman Arifai (2021) melalui kajiannya memfokuskan kepada pengaruh Al-Arqam terhadap perkembangan sosioekonomi dari tahun 1994 sehingga 2015. Dapatan kajian mendapati bahawa ajaran Al-Arqam masih lagi diamalkan di dalam kegiatan sosioekonomi GISB. Malah, kajian menunjukkan bahawa ajaran Al-Arqam menjadi pemangkin dan faktor utama kepada pencapaian kejayaan GISB khususnya dalam perkembangan sektor ekonomi. Selain itu, kajian juga mendapati pengaruh ajaran Al-Arqam turut memberikan pelbagai kesan kepada sistem kehidupan sosial ahli GISB serta masyarakat setempat. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengkalan budaya dan cara kerja kesan daripada pengaruh ajaran Al-Arqam di dalam GISB memberikan kesan yang positif dan negatif kepada ahli GISB dan masyarakat sekitar.

Berdasarkan tulisan bertajuk 'Al-Arqam Cuba Dihidupkan Semula oleh GISB' (2024) menyebut bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan fatwa pengharaman terhadap pertubuhan Al-Arqam pada tarikh 5

Ogos 1994. Walaupun ia telah diharamkan, namun usaha untuk menghidupkan semula ajaran kumpulan ini masih berlanjutan, terutama melalui kegiatan perniagaan dengan menggunakan nama, jenama, dan strategi perniagaan yang berbeza di bawah jenama 'Syarikat Rifaqa' Corporation' (SRC) dan 'Syarikat Global Ikhwan Sdn. Bhd.' (GISB). GISBH ditubuhkan pada tahun 2008 oleh Ashaari Muhammad iaitu pemimpin utama Al-Arqam bersama pengikut-pengikutnya. Sejak penubuhannya, GISBH telah berjaya mengembangkan rangkaian perniagaannya yang tidak hanya bertapak di Malaysia tetapi juga sehingga ke luar negara. GISB sering dikaitkan dengan dakwaan mempunyai hubungan dengan Al-Arqam dan SRC, terutamanya berkaitan dengan pengaruh ajaran sesat yang pernah dipelopori oleh Al-Arqam. Namun begitu, segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa ajaran Al-Arqam sudah pun tidak wujud berdasarkan kenyataan pengikut Ashaari menafikan bahawa perkembangan sosioekonomi GISB adalah berkait dengan Al-Arqam. Penafian ini bertentangan dengan kenyataan yang didedahkan oleh pihak berkuasa yang menimbulkan polemik tentang apakah benar GISB mempunyai kaitan dengan ajaran Al-Arqam. Antara dakwaan yang muncul ialah GISB merupakan kesinambungan daripada kumpulan Al-Arqam yang bergiat aktif, terutamanya di kawasan sekitar Putrajaya. Dakwaan ini adalah selari dengan pendedahan terhadap 14 ajaran sesat yang masih aktif di Selangor dan salah satunya ialah ajaran Al-Arqam yang telah difatwakan sesat dan diharamkan sejak 1994. Rumusannya, penubuhan GISB dapat digambarkan sebagai sebuah entiti korporat yang berpotensi mempunyai hubungan dengan latar belakang ajaran sesat al-Arqam. Meskipun GISB menjalankan kegiatan ekonomi dengan pendekatan yang kelihatan seakan-akan berlandaskan prinsip Islam, namun masyarakat perlu berhati-hati dan tidak terkeliru. Di sebalik operasi perniagaan yang tampaknya 'Islamik', terdapat kemungkinan terdapat agenda tersembunyi yang mengaburi pandangan umum terhadap ajaran yang mereka pegang.

Nurul Ayu (2016) menulis tentang perkembangan Global Ikhwan Sdn. Bhd. sebagai kesinambungan daripada penubuhan Darul Arqam yang diharamkan pada tahun 1994 serta Syarikat Rifaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) yang diharamkan pada tahun 2006. Walaupun begitu, kewujudan Global Ikhwan Sdn. Bhd. dilihat masih aktif di beberapa kawasan, khususnya di Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Kajian ini menganalisis perkembangan Global Ikhwan Sdn. Bhd. di Malaysia, serta untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan persepsi masyarakat terhadap organisasi ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa Global Ikhwan Sdn. Bhd. yang bermula daripada penubuhan al-Arqam masih wujud di Malaysia dan bertapak di beberapa lokasi termasuk di lokasi kajian. Justeru, kajian ini penting dalam usaha untuk membendung ajaran sesat dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam daripada terus menular dalam masyarakat. Dapatan kajian ini memberi implikasi yang signifikan kepada Jabatan Agama Islam Negeri untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dalam menangani isu ini. Justeru, usaha untuk mencari inisiatif dan solusi yang tepat serta berkesan dalam membendung fahaman ini perlu diteruskan agar tidak merebak lebih luas dalam kalangan masyarakat.

Menerusi akhbar 'Harian Metro' yang disiarkan pada tarikh 20 September, 2024 dalam rencana bertajuk 'Perlis Isytihar GISB Kumpulan Ajaran Sesat' memetik bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis memutuskan bahawa kepercayaan dan ajaran dalam GISB Holdings Sdn Bhd didapati mengandungi unsur ajaran sesat khususnya batiniah. Ketetapan ini telah menjadikan Perlis adalah negeri pertama yang mengisytiharkan organisasi tersebut sebagai kumpulan ajaran sesat. Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin berkata bahawa fatwa tersebut dikeluarkan setelah jawatankuasa menerima bukti yang kukuh untuk memutuskan bahawa organisasi tersebut adalah sesat. Menurut beliau, unsur ajaran batiniah ini juga merupakan kesinambungan daripada ajaran Al-Arqam yang telah difatwakan sebagai sesat. Hasil perbincangan jawatankuasa memutuskan bahawa kumpulan tersebut telah mengkultuskan pemimpin mereka sehingga melampaui batas dengan serta mengaitkan pemimpin yang dikultuskan itu sebagai tentera Imam Mahdi, jelmaan Rasulullah dan memiliki karamah para wali. Malah mereka juga mendakwa memiliki keajaiban dalam mengetahui perkara ghaib. Hal ini jelas adalah bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah. Setelah meneliti aktiviti ekonomi GISBH, maka jawatankuasa mendapati bahawa model ekonomi mereka bukanlah model ekonomi Islam yang sebenar. Malah, ia dianggap bercanggah dengan prinsip ekonomi Islam kerana terdapat unsur penindasan dan perhambaan terhadap mereka yang terlibat, serta eksploitasi ke atas ahli, kanak-kanak, wanita, dan keluarga demi kepentingan pihak yang dikultuskan tersebut.

Berita yang disiarkan dari akhbar 'Sinar Harian' bertarikh 14 September, 2024 dengan tajuk 'Dapatan Kajian Akidah GISBH Dibentang Dalam MKI, MJIM-JAKIM' menyebut bahawa tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), berhubung isu yang berkaitan dengan akidah, syariah, dan tasawuf dalam syarikat GISB Holdings (GISBH) iaitu melaksanakan kajian khusus mengenai isu yang melibatkan akidah, syariah, dan tasawuf dalam GISBH telah dilakukan. Hasil kajian ini akan dibentangkan di beberapa peringkat, bermula dengan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan diikuti oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM). Tindakan ini menunjukkan bahawa isu-isu sebegini memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak, termasuk pihak kerajaan dan Majlis Raja-Raja. Hasil kajian tersebut akan dipersembahkan untuk mendapatkan perkenan Majlis Raja-Raja selaku kuasa tertinggi dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia. Selepas mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, keputusan tersebut akan difatwakan dan dijadikan dasar yang sah di bawah bidang kuasa negeri-negeri bagi tujuan penguatkuasaan. Ini bermakna, sebarang keputusan yang diambil akan mempunyai kesan undang-undang yang mengikat di peringkat negeri.

Dari aspek komitmen JAKIM dalam menjaga akidah umat Islam telah menegaskan bahawa pihaknya tidak akan berkompromi dengan isu-isu yang melibatkan akidah umat Islam. Ini bermakna JAKIM akan memastikan segala tindakan yang diambil adalah untuk menjaga kesucian akidah umat Islam di negara ini, dan jika ada unsur-unsur yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar, ia akan ditangani dengan tegas. JAKIM juga akan mengadakan dialog dan program yang berkaitan dengan perkara ini bagi memastikan masyarakat mendapat pemahaman yang tepat mengenai akidah Islam dan isu-isu yang berkaitan. Tujuan keseragaman undang-undang Islam melalui tindakan ini adalah untuk menambah baik, menyelaraskan, dan menggalakkan keseragaman undang-undang Islam di Malaysia bagi memastikan bahawa hukum dan undang-undang berkaitan agama Islam dilaksanakan secara konsisten di seluruh negeri, tanpa ada ketidakseimbangan atau

kekeliruan dalam pelaksanaannya. Kenyataan ini menggambarkan usaha yang dilakukan oleh JAKIM dan pihak berkuasa agama untuk menangani isu yang melibatkan akidah dan ajaran Islam, khususnya berkaitan dengan GISBH. Ia juga menekankan betapa pentingnya peranan Majlis Raja-Raja dalam memastikan kesucian dan keseragaman ajaran Islam di negara ini. JAKIM komited untuk memastikan agar undang-undang Islam yang berkaitan dengan akidah dan pengurusan hal ehwal agama Islam dilaksanakan dengan tegas dan tidak berkompromi dengan perkara yang boleh merosakkan akidah umat Islam.

3. HASIL DAN PEMBAHASAN

3.1 Implikasi Kepada Umat Islam

Isu Global Ikhwan Sendirian Berhad (GISB) telah menjadi tumpuan pihak berkuasa dan kerajaan Malaysia selepas dakwaan berhubung penglibatannya dengan ajaran sesat Al Arqam dan Rufaqa'. Dipetik dari laman 'BuletinTV3' bertarikh 7 September 2024 melaporkan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menegaskan tidak akan berkompromi dalam isu yang melibatkan akidah umat Islam kerana ia merupakan perkara asas yang perlu dijaga dengan penuh kehati-hatian. Beliau akan mengadakan pertemuan dengan pihak GISB Holding untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut mengenai dakwaan tersebut.

Wujud pertuduhan terhadap kumpulan ini yang didakwa mengeksploitasi kanak-kanak dan wanita untuk kepentingan perniagaan serta mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan prinsip Islam. Dakwaan ini telah disangkal oleh Pengerusi GISB, Nasiruddin Mohd Ali, melalui video di platform 'TikTok' atas dasar ia telah mencemarkan reputasi syarikat ini. Hal keadaan ini telah mempengaruhi sebarang operasi GISB, termasuk barangan dan perkhidmatan mereka, seperti makanan dan restoran sehingga dipulaukan oleh masyarakat umum. Pengerusi GISB menzahirkan kekecewaan dan kekesalannya di atas tuduhan tersebut. Beliau menegaskan bahawa ia adalah fitnah. Dalam kenyataan lain, beliau menyatakan kesediaannya untuk menjalani siasatan bagi membersihkan nama syarikatnya dan mengatasi segala tuduhan negatif yang telah dilemparkan. Dakwaan ini menimbulkan persoalan terhadap integriti dan kredibiliti GISB terutamanya dakwaan penglibatan mereka mengamalkan ajaran sesat serta perlakuan yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Dalam hal ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan keseriusannya menangani isu tersebut yang melibatkan akidah umat Islam. Pihak kerajaan melalui JAKIM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memanggil wakil tertinggi kumpulan GISB untuk memberikan penjelasan berkenaan dakwaan yang timbul. Justeru, siasatan menyeluruh dilakukan oleh kedua-dua agensi tersebut dengan penuh keterbukaan dan keadilan, bagi memastikan tiada pihak yang teraniaya dalam perkara ini.

Peristiwa yang menimpa pengikut Darul Arqam pada tahun 1994 seharusnya menjadi pengajaran yang penting. Tindakan yang diambil ketika itu yang didasarkan kepada maklumat yang kurang tepat, telah mengakibatkan penghancuran jamaah tersebut secara total. Akibatnya, ramai pengikut yang tidak bersalah turut terkesan dan menanggung kerugian yang besar. Pengharaman Darul Arqam bukan sahaja atas isu ajaran Islam yang salah, tetapi turut memusnahkan pelbagai usaha positif yang telah dibina dari aspek institusi pendidikan, pertanian, kebudayaan, dan perniagaan. Sehubungan itu, kerajaan seharusnya memastikan bahawa peristiwa tersebut tidak berulang dan menanganinya dengan penuh cermat supaya tidak akan ada pihak yang terkesan secara tidak adil. Justeru umat Islam meletakkan sepenuh keyakinan kepada kebijaksanaan JAKIM untuk menangani isu GISB ini secara adil, bijaksana dan tidak terburu-buru.

3.2 Peranan Jakim Dalam Isu Gisbh

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui pelbagai pertemuan, kajian dan kerjasama dengan agensi keselamatan negara telah mengambil langkah yang tegas dan berterusan untuk menangani isu GISBH. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan keseragaman dalam pengurusan hal ehwal Islam dan bagi menjaga kesucian akidah umat Islam di negara ini. Satu kenyataan media oleh Ketua Pengarah JAKIM berkenaan isu GISBH telah disiarkan di portal rasmi JAKIM bertarikh 14 September 2024 seperti berikut:

- a. JAKIM sebagai sekretariat kepada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) perlu memainkan peranan penting dalam menyampaikan nasihat kepada Majlis Raja-Raja mengenai hal-hal berkaitan perundangan, pengurusan dan pendidikan agama Islam. Tindakan JAKIM selaras dengan matlamat untuk meningkatkan, menyelaras dan menyatukan undang-undang Islam demi kepentingan negara.
- b. Tanggungjawab JAKIM adalah sebagai satu agensi persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal Islam. JAKIM berperanan dalam penyelarasan undang-undang Islam dan memberikan pandangan hukum mengenai isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini.
- c. Langkah-langkah tindakan JAKIM yang diambil terhadap GISBH sudah mendapat perhatian serius sejak Februari 2019, iaitu dengan pelaksanaan 12 mesyuarat, bengkel, dan program-program kerjasama dengan agensi keselamatan negara seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebuah pertemuan tertutup pada September 2019 turut diadakan, melibatkan Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI, Jabatan Peguam Negara, serta panel pakar akidah dan tasawuf JAKIM untuk membincangkan dan mencari penyelesaian terhadap isu yang timbul.
- d. Mengadakan mesyuarat Khas dan Dialog JAKIM dengan GISBH. Pada Julai 2022, mesyuarat khas dengan agensi keselamatan negara diadakan untuk menyelaras tindakan terhadap isu ini. Seterusnya, pada Ogos 2024, beberapa perbincangan diteruskan, termasuk program Kem Kenegaraan Remaja Pembela Ummah (RPU) GISBH kali kedua, dan

dialog dengan pihak GISBH pada 22 September berkenaan dakwaan penyelewengan akidah yang masih berlaku. Dialog ini juga disusuli dengan perbincangan bersama NADI MAIS dan Jabatan Mufti Negeri Selangor.

- e. Kajian dan tindakan lanjutan perlu dilaksanakan oleh JAKIM. Pada Februari 2023, mesyuarat khas mengenai isu GISBH melibatkan panel pakar akidah, PDRM, dan bekas pengikut GISBH diadakan untuk memperhalusi lagi masalah berkaitan akidah, syariah, dan tasawuf. Selain itu, program kenegaraan yang dianjurkan oleh PDRM dan iLead (KBS) terus berlangsung, termasuk program pada Oktober 2023. Pada Februari 2024, pertemuan lanjut diadakan dengan Ketua Pegawai Eksekutif GISBH untuk membincangkan lebih mendalam isu-isu berkenaan.
- f. Meneruskan tindakan susulan dan penguatkuasaan oleh JAKIM dari semasa ke semasa. Justeru, hasil daripada kajian dan perbincangan yang telah dijalankan akan dibentangkan dalam Muzakarah MKI dan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM). Setelah itu, perkara ini akan diajukan kepada Majlis Raja-Raja untuk mendapat perkenan sebelum difatwakan di bawah bidang kuasa negeri-negeri bagi tujuan penguatkuasaan. JAKIM sentiasa berkomited untuk menjalankan dialog dan kajian yang mendalam terhadap isu-isu berkaitan akidah umat Islam, dan tidak akan berkompromi dalam soal akidah.

Menerusi laporan akhbar 'Harian Metro' bertarikh 20 November 2024 menyiarkan saranan oleh Mufti Perlis agar pihak sekolah di bawah manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar perlu mengambil anak-anak bekas ahli GISB untuk diberikan pendidikan yang sewajarnya. Beliau juga menyarankan agar badan swasta turut membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka supaya mereka mampu hidup seperti masyarakat Islam yang lain. Beliau mengharapkan agar seluruh masyarakat Islam mengambil sikap positif dalam membantu bekas ahli GISBH untuk keluar dari belenggu kesesatan ini.

Secara keseluruhannya, adalah penting untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang diambil adalah berlandaskan kepada ketegasan dan keadilan yang memerlukan kerjasama yang erat antara pihak berkuasa agama, masyarakat, dan juga golongan ulamak agar kesedaran dan kefahaman yang benar dapat ditegakkan dalam kalangan rakyat.

3.3 Cadangan

Adalah sesuatu yang sukar untuk memulihkan fahaman pengikut setia bagi sesuatu ajaran sesat untuk kembali ke jalan yang benar, lebih-lebih lagi apabila sudah terperangkap di dalam doktrin yang kuat mempengaruhi minda dan kepercayaan mereka. Malah kepercayaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap tokoh pemimpin mereka juga menyebabkan mereka tidak akan dapat menerima sebarang ajaran lain yang ingin memulihkan mereka.

Saranan oleh Mufti Pahang, Prof. Datuk Dr. Asmadi Mohd Naim disiarkan di laman 'Malaysiakini' (6 Oktober 2024) supaya dikuatkuasakan pengharaman dengan tegas terhadap kumpulan sebegini agar mereka tidak boleh menyebarkan ajaran sesat mereka lebih jauh. Selain itu, usaha pemantauan yang berterusan juga perlu disegerakan bagi mengelakkan penyebaran ajaran tersebut menular dengan cepat. Beliau menyarankan agar pihak kerajaan perlu memastikan pengikut ajaran sesat ini tidak hanya sekadar dihukum atau diasingkan semata-mata, tetapi mereka juga perlu diberi peluang untuk kembali ke pangkal jalan melalui program-program pemulihan yang teratur. Salah satu pendekatan yang boleh diambil ialah dengan menempatkan mereka di pusat-pusat pemulihan di mana mereka dapat diberi pendidikan agama yang sebenar dan diberi kesedaran tentang kesesatan ajaran yang mereka ikuti.

Justeru, usaha untuk mengembalikan mereka ke jalan yang benar memerlukan beberapa pendekatan yang lebih berhati-hati, dengan penekanan pada pendidikan yang jelas dan konsisten tentang akidah yang benar menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta usaha untuk membuka minda mereka melalui dialog dan penjelasan yang tidak secara konfrontasi. Ini merupakan satu cabaran besar, namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil jika dapat dilakukan dengan penuh kesabaran dan menerusi strategi yang tepat.

Berdasarkan isu pengesploitasian wanita dan kanak-kanak, kerajaan perlulah meningkatkan pemantauan ke atas rumah-rumah kebajikan yang terdapat di negara ini. Sebuah pasukan petugas khas perlu ditubuhkan bagi memastikan bahawa rumah-rumah kebajikan mematuhi peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar undang-undang yang ada. Langkah kedua yang perlu diambil ialah dengan menjalankan pemeriksaan mengejut di rumah-rumah kebajikan secara berkala. Hasil laporan media mendapati seramai 402 kanak-kanak dan remaja berusia antara setahun hingga 17 tahun telah diselamatkan daripada 20 rumah amal yang dikendalikan oleh GISB, yang didakwa beroperasi dengan motif agama, di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan.

Kerajaan perlu mengenakan hukuman yang lebih tegas terhadap pengusaha rumah kebajikan yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak kerajaan perlu mengkaji semula undang-undang sedia ada supaya selaras dengan perkembangan semasa. Ia penting untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan rumah kebajikan menerima pendidikan formal yang betul, sama ada melalui sekolah kerajaan ataupun program pendidikan di rumah mengikut silibus yang ditetapkan kerajaan. Selain itu, kerajaan perlu melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk memastikan kesihatan penghuni rumah kebajikan tidak diabaikan. Pihak yang didapati mendera, mengabaikan atau mengeksploitasi kanak-kanak perlu didakwa di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 tanpa sebarang kompromi.

Menurut laporan akhbar Sinar Harian (20 November 2024), beberapa cadangan penambahbaikan telah disuarakan oleh wakil MCA kepada pihak kerajaan melalui persidangan Dewan Rakyat bagi memastikan kejadian eksploitasi kanak-kanak dan remaja yang didakwa melibatkan kumpulan perniagaan GISB Holdings Sdn. Bhd. tidak berulang pada masa hadapan.

4. KESIMPULAN

Merujuk kepada kebimbangan terhadap kebangkitan semula ajaran Al-Arqam yang diaktifkan oleh GISBH (Global Ikhwan Sdn. Bhd.), maka sekiranya terbukti bahawa GISBH terlibat dalam menghidupkan kembali ajaran tersebut, justeru adalah sangat penting bagi pihak berkuasa agama untuk mengambil langkah yang jelas dan tegas. Langkah sewajarnya yang perlu diambil adalah mengeluarkan fatwa yang tegas oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI). Fatwa ini perlu dijadikan rujukan untuk tindakan selanjutnya bagi memastikan ajaran tersebut tidak kembali berkembang. Tindakan tegas ini bukan hanya difokuskan kepada urusan mengeluarkan fatwa semata-mata, tetapi juga perlu melibatkan usaha yang gigih daripada pihak berkuasa lain untuk menutup premis-premis yang digunakan oleh kumpulan GISB sebagai usaha menghentikan operasi dan kegiatan mereka. Jika dibiarkan ia terus beroperasi, maka penyebaran ajaran sesat ini akan membuka peluang kepada pengikutnya untuk terus dipengaruhi dan dimanipulasi oleh ideologi tersebut. Justeru, langkah penutupan premis adalah sangat penting untuk mencegah doktrin tersebut daripada dihidupkan kembali.

UCAPAN TERIMA KASIH

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, kakitangan Jabatan Pengajian Am, serta para pensyarah akademik secara amnya yang terlibat bagi memberikan sumbangan dan komitmen mereka dalam penghasilan kajian ini.

REFERENCES

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2015). Spiritual As An Integral Part Of Islamic Business : The Case Of Global Ikhwan. *Pacific Affairs*, Volume 88, Number 2, June 2015, pp. 173-192(20). *Pacific Affairs, a division of the University of British Columbia*.
- Aizat Sharif. Harian Metro. (20 November 2024). Perlis Isytihar GISB Kumpulan Ajaran Sesat.. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1135774/perlis-isytiarkan-gisbh-kumpulan-ajaran-sesat> (Dicapai pada 3 November 2024).
- AlHaq Center Malaysia. (11 September 2024). Al-Arqam Cuba Dihidupkan Semula oleh GISB. Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. <https://alhaqcentremalaysia.com/?p=7110> (Dicapai pada 3 November 2024).
- Farahwahida Mohd Yusof. (2007). Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah Satu Penilaian. Skudai Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- GISB Holdings Sdn. Bhd.. <https://www.facebook.com/gisbhcom/> (Dicapai pada 3 November 2024).
- Kamal Azmi Abdul Rahman. (2009). Rufaqa : A Study Of It's Teachings and Doctrinal Implications. Universiti Islam Sains Malaysia (USIM).
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Mohd Roshdi Yusoff. (1994). 40 Persoalan Arqam & Aurad Muhammadiyah. Penerbitan Raqib: Kuala Lumpur.
- Mukhriz Mat Husin. Sinar Harian. (14 September 2024). Dapatan Kajian Akidah GISBH Dibentang Dalam MKI, MJIM-JAKIM. <https://www.sinarharian.com.my/article/685631/berita/nasional/dapatan-kajian-akidah-gisbh-dibentang-dalam-mki-mjim---JAKIM> (Dicapai pada 3 November 2024).
- Nazari Hassan. (2007). Suatu Kajian Terhadap Akidah Bekas Ahli-ahli Darul Arqam di Negeri Perlis Selepas Pengharamannya. Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor. (2015). Tahap Kefahaman dan Persepsi Masyarakat Terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.
- Nurul Ayu Bakar. (2016). Persepsi Masyarakat Tasek Gelugor Terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Portal Rasmi Jabatan Perdana Menteri. (5 Ogos 1994). Surat Pekeliling Am Bil. 4. Tahun 1994. Larangan Terhadap Penglibatan Pegawai-Pegawai Awam dan Agensi-Agensi Kerajaan Dalam Aktiviti-Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Al-Arqam. [chrome-extension://efaidnbmnnpbpcjpcglclefindmkaj/https://www.jpm.gov.my/images/surat-pekelling-am/Bil_4_Tahun_1994.pdf](https://www.jpm.gov.my/images/surat-pekelling-am/Bil_4_Tahun_1994.pdf) (Dicapai pada 3 November 2024).
- Portal Rasmi JAKIM. (29 November 2006). Fatwa Terhadap Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam. Fatwa Majlis E-Smaf, E-Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11507> (Dicapai pada 3 November 2024).
- Portal Rasmi JAKIM. (22 September 2024). Kenyataan Media Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Berkenaan Isu GISBH.. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/4462-kenyataan-media-ketua-pengarah-jabatan-kemajuan-islam-malaysia-JAKIM-berkenaan-isu-gisbh> (Dicapai pada 3 November 2024).
- Rahman Arifai. (2021). Pengaruh Al-Arqam Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Global Ikhwan Sdn Bhd, 1994-2015. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Zamri Abd Halim. (2006). Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan Lain-lain Syarikat. Jurnal Penyelidikan Islam. Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Putrajaya.
- Warta Kerajaan. (1994). Pengharaman Al-Arqam. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Warta Kerajaan. (2006). Fatwa Pengharaman Syarikat Rufaqa Corporation dan Rangkaian Syarikat Gabungannya. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.